

Adakah ada menghadapi masalah dengan agensi Kerajaan atau kerajaan tempatan (daerah) Australia Barat?

Sekiranya masalah tersebut tidak dapat diselesaikan – berurusanlah dengan kami.

Kami mungkin dapat membantu anda secara percuma.

Siapakah Ombudsman?

Ombudsman adalah tidak terikat kepada mana-mana agensi kerajaan dan merupakan sebuah badan berkecuali yang mengendalikan aduan yang dibuat oleh orang awam tentang perkhidmatan kerajaan.

Ombudsman juga boleh membantu organisasi kerajaan memperbaiki perjalanan operasi dengan mencadangkan perubahan kukuh dan positif.

Apa yang kami boleh bantu?

Kami boleh mengendalikan aduan mengenai perkara yang tidak dapat diselesaikan apabila anda berurusan dengan:

- Agensi atau jabatan Kerajaan Australia Barat;
- Kerajaan tempatan (daerah); dan
- Sekolah dan universiti awam serta kolej TAFE;

Pertama sekali, anda perlu berbincang dengan organisasi yang terlibat. Ini lazimnya cara terbaik untuk menyelesaikan masalah. Sekiranya anda masih berhadapan dengan masalah, maka anda boleh menghubungi Ombudsman.

Bagaimana anda membuat aduan?

1. Aduan anda mesti mengenai sesuatu yang telah menjejaskan anda secara peribadi.
2. Anda boleh menghubungi dan bercakap dengan kami terlebih dahulu. Hubungi **1800 117 000** (talian bebas tol untuk pemanggil dalam negara) atau **(08) 9220 7555**.
3. Kami boleh membantu anda dalam menyediakan aduan anda secara bertulis atau anda boleh mendapatkan seseorang untuk membantu anda.
4. Selepas kami menerima aduan anda, kami akan menentukan jika kami boleh membuat sesuatu untuk membantu anda. Sekiranya kami tidak mampu, kami akan memberitahu anda pihak lain yang mungkin boleh membantu.
5. Untuk membantu anda dengan masalah anda, kami boleh memaklumkan kepada organisasi kerajaan bahawa mereka perlu menyelesaikannya dan memastikannya tidak berulang.